



Keraja keras cari bukti!

oleh Syazwan Misar

syazwan@hmetro.com.my

■ **Laksamana Hang Tuah lambang keberanian, kesetiaan, setia kawan**

Masyarakat Melayu memegang teguh pendirian bahawa Laksamana Hang Tuah wujud dalam sejarah, malah menjadi lambang keberanian, kesetiaan, dan semangat setia kawan kepada mereka sejak dulu lagi.

Ketua Kluster Sejarah, Wawasan dan Sosiobudaya, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, walaupun kisah pahlawan itu dianggap do-
ngeng atau mitos oleh se-
setengah pihak, namun bagi masyarakat Melayu, ia ter-
nyata benar dan wujud.

Beliau berkata, sejak dulu lagi, masyarakat Melayu percaya terhadap cerita yang tertulis dalam Hikayat Melayu dan Hikayat Hang Tuah (HTT) sebagai bahan sejarah yang menggambarkan kepribadian dan kebolehan pahlawan itu ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.

“Pengkaji sejarah lebih mementingkan bukti nyata dan jelas seperti arkeologi, artifak atau manuskrip mengenai pahlawan Melayu itu sebelum mengesahkan ia benar atau sebaliknya maka naka cerita dari mulut ke mulut pula bukan sumber sejarah.”



Namun, bagi masyarakat Melayu, setiap cerita yang diperturunkan sejak dulu itu adalah benar yang diperoleh daripada individu tertentu yang berkait rapat dengan tokoh atau pahlawan dulu,” katanya, ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, tidak menjadi masalah jika masyarakat Melayu terus mempercayai kewujudan pahlawan berkenaan kerana ia boleh dijadikan contoh atau teladan untuk diangkat sebagai tokoh berwibawa sejak dulu.

“Setiap masyarakat ada hero masing-masing yang hebat dan terkenal termasuk Melayu ada tokohnya sendiri iaitu Hang Tuah yang cukup dikenali semua lapisan umur.”

“Susah untuk buktikan kewujudan Hang Tuah kerana tiada sumber yang lengkap dan kukuh, namun bagi saya, pahlawan itu ada, cuma memerlukan kerja keras untuk membuktikannya,” katanya.

Beliau juga memahami ke-
kangan dihadapi pengkaji se-
jarah dan ahli akademik da-
lam mencari sumber utama
berkaitan pahlawan itu yang
memerlukan kerjasama da-
ripada semua pihak untuk
memperolehnya.

Dr Teo Kok Seong